

28 MAR 2001

LAPORAN-SEKTOR KEWANGAN

BANK PERLU MEMANFAATKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Institusi Perbankan yang bakal berjaya menjelang 2010, adalah entiti yang terus memanfaatkan kemajuan teknologi, kata Bank Negara Malaysia (BNM).

Kemajuan teknologi yang dimaksudkan ialah merombak proses kerja dan saluran penghantaran serta menawarkan produk dan perkhidmatan terkini yang merupakan pakej kewangan yang lengkap bagi pelbagai jenis pelanggan.

Oleh kerana peranan faktor manusia juga merupakan salah satu ciri penentu kejayaan sesebuah institusi, maka menggaji dan mengekalkan kakitangan mahir dan melatih semula tenaga kerja sedia ada juga perlu diberi penekanan, kata BNM dalam menghuraikan landskap kewangan dimasa hadapan.

Ini kerana sektor perbankan di masa hadapan akan menghadapi persaingan yang sengit dan ini dijangka akan menghasilkan institusi yang mempunyai strategik berbeza, mengikut kekuatan dan pengkhususan pasaran mereka, demikian menurut BNM dalam Laporan Tahunan 2000 yang dikeluarkan, di sini, hari ini.

Selain sektor perbankan, industri insurans juga akan menjadi lebih dinamik dan berkembang dari segi saiz, di mana ekonomi baru akan memberi tekanan kepada industri untuk menjadi lebih berdaya saing selaras dengan peningkatan permintaan bagi perlindungan insurans am di pelbagai sektor.

"Peningkatan kekayaan di kalangan penduduk akan mempertingkatkan permintaan bagi produk insurans nyawa manakala institusi akan berbeza mengikut keupayaan mereka dalam memperkenalkan produk insurans yang memenuhi keperluan negara," katanya.

Persaingan akan menjadi lebih sengit di antara syarikat insurans domestik dan asing, seterusnya merendahkan kos dan premium serta meningkatkan saiz perniagaan dengan ketara.

Di samping itu, Perbankan Islam dan industri takaful juga akan menjadi lebih penting dan besar, kata BNM.

Katanya, peserta-peserta baru akan memasuki industri dan rangka kerja operasi pasaran operasi akan menjadi semakin global.

Sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran tersebut, Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) telah dilancarkan dan ia telah mengumumkan beberapa pogram yang mempunyai 119 saranan.

Program-program tersebut akan dijalankan menerusi tiga fasa perlaksanaan dalam tempoh 10 tahun, bergantung kepada pencapaian, peringkat-peringkat kemajuan dan langkah perlindungan yang ditetapkan.

Fasa pertama yang dijalankan dalam jangkamasa tiga tahun pertama akan memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan domestik, fasa kedua melibatkan peningkatan persaingan domestik manakala fasa ketiga pula adalah untuk meningkatkan integrasi dengan pasaran antarabangsa.

Menurut BNM, pengubalan PISK adalah tepat pada masanya dan sesuai untuk menangani isu-isu kritikal berhubung dengan hala tuju masa hadapan dan pembangunan strategik sektor kewangan.

Ia menampilkan hasrat kerajaan untuk memastikan sektor kewangan terus berdaya tahan dan berdaya saing, serta bagi memenuhi permintaan ekonomi yang semakin kompleks, tambah BNM. -- BERNAMA

SM ZK